

Headline	UUM promosi e-Umrah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Feb 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	22	ArticleSize	322 cm ²
AdValue	RM 10,901	PR Value	RM 32,704



UUM promosi e-Umrah

» *Urus jemaah atas talian mampu beri pulangan lumayan*

Oleh Luqman Arif Abdul Karim

► Kuala Lumpur

Universiti Utara Malaysia (UUM) membuka peluang keusahawanan kepada orang ramai sebagai ejen e-Umrah bagi menguruskan jemaah umrah secara atas talian.

Produk terbaharu anak syarikat UUM, Uniutama Management Holdings Sdn Bhd (UMHSB), yang diperkenalkan sejak Ogos tahun lalu itu mampu memberikan pulangan lumayan kepada usahawan.

Pelanggan khususnya penjawat awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) boleh mengerjakan umrah menerusi potongan gaji Angkatan Ko-

perasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dengan nilai minimum RM150 sebulan.

Modal hanya RM1,000

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMHSB, Rusli Hasnan, berkata modal yang diperlukan ejen hanya RM1,000 merangkumi kiosk, pakaian seragam dan beberapa siri latihan.

Beliau berkata, skim usahawan terbaharu berkonsep-

kan Islam itu mudah dan tidak menggunakan modal besar, namun memerlukan kesungguhan.

"Kita sasarkan usahawan perlu mendapat 3,000 pelang-

gan dalam tempoh tiga bulan dengan hanya membantu mereka melengkapkan borang permohonan atas talian menerusi empat langkah mudah.

"Selain komisen RM60,000, ejen juga bakal diberikan insentif RM60,000 sekiranya berjaya menepati sasaran yang ditetapkan," katanya pada si-

andang media selepas majlis Pelantikan Ejen e-Umrah, di sini, semalam.

40 ejen terima sijil

Seramai 40 ejen baharu penerima sijil yang disampaikan Pengerusi Ahli Lembaga Pengerah UMHSB, Datuk Dr Affifudin Omar.

Rusli berkata setakat ini, seramai 200 penjawat awam dan GLC membuat potongan gaji untuk mengerjakan umrah. Mereka bakal berlepas ke tanah suci pada 2016.

FAKTA NOMBOR

RM60,000
insentif

ganjaran berjaya tepati sasaran e-Umrah



Affifudin (tiga dari kanan) beramah mesra dengan wakil syarikat yang dipilih menggunakan sistem e-Umrah selepas majlis penyampaian sijil pelantikan ejen e-Umrah di Kelab Taman Perdana, semalam. [FOTO ASMAN IBRAHIM/BH]